

Penganalisis: RCI imigran Sabah risiko kepada BN
MalaysiaKini.com
12 Ogos, 2012
Oleh Nigel Aw

Pemerhati politik berpendapat bahawa tindakan perdana menteri menubuhkan Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat isu imigran tanpa izin di Sabah akan memberi risiko besar kepada BN.

Penganalisis politik Sabah Arnold Puyok berkata, ini memandangkan bahawa siasatan itu dijalankan di negeri yang bakal menentukan kedudukan parti itu di Putrajaya.

Tempoh enam bulan yang diberikan kepada RCI tersebut untuk menyiasat perkara itu bermakna siasatan berkenaan akan ditamatkan menjelang 28 April.

Katanya, rakyat Sabah akan hanya berpuas hati sekiranya RCI itu ditamatkan sebelum Parlimen dibubarkan bagi mengadakan pilihan raya umum ke-13.

Pensyarah UiTM itu berkata, beliau berpendapat bahawa siasatan tersebut tidak akan memihak kepada BN kerana isu berkenaan akan mengaitkan ramai pemimpin Umno Sabah.

Bagaimanapun, Najib mungkin tiada pilihan lain selepas dua MP BN bertindak keluar parti dan perdana menteri mungkin perlu bertindak demikian untuk menghentikan ketidakstabilan di negeri itu.

"Semua orang di Sabah mahukan RCI, terutama sekali parti berasaskan Kadazan-Dusun yang telah banyak memberi tekanan kepada Najib kerana isu imigran asing ini penting kepada mereka," kata Arnold.

Ketua pembangkang yang bertanggungjawab dalam tindakan MP Tuaran Datuk Seri Wilfred Bumburing dan MP Beaufort Datuk Seri Lajim Ukin keluar BN pada 29 Julai lalu akan kembali ke Sabah esok.

Anwar mendakwa seorang lagi wakil rakyat BN akan keluar parti.